

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(6)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 06 TAHUN 2015**

---

**Tarikh : 26 Jun 2015 (Jumaat)**  
**Masa : 9.30 pagi hingga 11.00 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan<br>Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran     | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                                   | - | "                       |
| 5.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "                       |
| 6.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "                       |
| 7.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 8.  | Encik Loka Ng Sai Kai   | - | "                       |
| 9.  | Encik Michael Noel Jalleh                                     | - | "                       |
| 10. | Encik Yap Kok Weng  | - | "                       |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh                            | - | "                       |

12.	Ir. Izham bin Hashim	-	"
13.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
14.	Puan Norzaihan binti Ismail	-	"
15.	Encik Jaber bin Ami	-	"
16.	Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy	-	"
17.	Puan Sharmazira binti Md Sharif	-	"
18.	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli	-	"
19.	Encik Tan Pang Yeow	-	"
20.	Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli	-	"
21.	Puan Kavitha a/p Chandragesan	-	"

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1.	Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan	-	Ahli Majlis
2.	Encik Wan Hock Leong	-	"
3.	Dr. Mahendran a/l V Markandoo	-	"

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Puan Hamizun binti Mohd Basar  
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
2. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
10. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Fadzli bin Zubi  
Pengarah, Jabatan OSC
13. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Pegawai Integriti, Unit Integriti

14. Puan Noraziah binti Ali  
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
16. Puan Satinah binti Safirol  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
17. Encik Samzol bin Saat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
18. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
22. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
23. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
24. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
25. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
26. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
27. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

28. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
29. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
30. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
31. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
32. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Nazri Faiz bin Zainal  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
36. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
37. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Puan Nadia binti Abu Baharin  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Puan Azian binti Ropie  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
48. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
49. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
50. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
51. Dr. Muhammad Khairin bin Zamauri  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
52. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Puan Nor Najihah binti Sukor  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
55. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

56. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
57. Puan Zaiyanazareht binti Zaini  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
60. Encik Muhammad Aliff bin Abd Rani  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Encik Muhsin bin Izhar Hisham  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
63. Encik Mohd Fikri bin Misro  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
64. Encik Mohd Redzuan bin Abdul Jamal  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

**URUSETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## 1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## 2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 06/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### 2.1 PIALA FUTSAL KEBANGSAAN 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa **Pasukan Futsal Wanita MPSJ** telah menjuarai **Piala Futsal Kebangsaan 2015** yang telah diadakan pada **08 hingga 12 Jun 2015** bertempat di Kompleks Sukan Shah Alam.

Dalam pertandingan ini telah menemukan lapan (8) pasukan terbaik Liga Futsal Kebangsaan yang terdiri daripada pasukan Felda United, Selangor, Sabah, PDRM, KL United, Kedah dan Perak.

MPSJ sekali lagi telah mengekalkan kejuaraan Piala Futsal Wanita Kebangsaan FAM/FELDA dengan menewaskan pasukan Selangor melalui sepakan penalti 7 – 6 pada aksi final. Juara telah menerima Piala Pusingan dan wang tunai berjumlah RM100,000.00. MPSJ juga turut memenangi hadiah sampingan iaitu:

- i. Penjaring Gol Terbanyak Liga : Cik Steffi Sarge Kaur A/P  
Sergeant Singh
- ii. Penjaring Gol Terbanyak Piala : Cik Nur Shazreen binti Munazli
- iii. Pemain Terbaik : Cik Noorhayanti binti Mohd Salleh

## **2.2 PROGRAM RAKAN MASJID - IMARAH RAMADHAN MPSJ 2015**

Bersempena bulan Ramadhan Al-Mubarak ini, Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menganjurkan **Program Rakan Masjid - Imarah Ramadhan MPSJ 2015 Bersama Jawatankuasa Masjid / Surau** di kawasan pentadbiran MPSJ.

Objektif program ini diadakan adalah bagi mendekatkan diri masyarakat setempat dan golongan remaja dengan amalan murni yang perlu dilakukan sempena bulan yang mulia ini serta bersama-sama mengimarahkan Masjid dengan pelbagai aktiviti dan ibadah bersempena bulan Ramadhan Al-Mubarak **1436H**. Program ini akan diadakan disepanjang bulan Ramadhan dan butiran program adalah seperti berikut:

**Tarikh : 18 Jun 2015 – 14 Julai 2015**  
**Tempat : 30 Lokasi Masjid / Surau Terpilih**

### **OBJEKTIF PROGRAM**

- i. Mengimarahkan masjid di bulan Ramadhan yang mulia ini;
- ii. Menanamkan rasa cinta kepada Al-Quran dikalangan peserta;
- iii. Meningkatkan amalan ibadah puasa dengan bertadarus, solat berjemaah serta menambah ilmu pengetahuan agama yang bermanfaat;
- iv. Mendekatkan golongan remaja dengan Rumah Allah supaya hati mereka sentiasa terpaut dengan masjid;
- v. Melahirkan generasi yang cemerlang dan berguna di dunia dan akhirat;
- vi. Mengukuhkan persahabatan dan mengeratkan silaturrahim silaturrahim sesama peserta.

### **PENGISIAN PROGRAM**

- i. Tadarus Al-Quran
- ii. Kuliah / Ceramah
- iii. Qiamulalil
- iv. Majlis Berbuka Puasa

Sasaran peserta terdiri daripada remaja lepasan sekolah, belia, golongan pelajar dan anak-anak yatim. Penyertaan adalah percuma dan dijangkakan seramai 1,500 orang peserta akan terlibat dalam program ini.

### 2.3 **MAJLIS PELANCARAN KEMPEN SAYANGI BUMI KITA - BAWA BEKAS KE BAZAR RAMADHAN MPSJ 2015**

- Sempena kedatangan bulan Ramadhan ini juga, MPSJ telah melaksanakan beberapa inisiatif yang selari dengan hasrat dan **Perancangan Strategik MPSJ 2012 - 2030, MPSJ Ke Arah "Perbandaran Terhijau" (*the Greenest City*) dan Pelan Bandar Hijau 2030**. Inisiatif ini dilaksanakan di semua Bazar Ramadan di kawasan pentadbiran MPSJ.
  
- Inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut;
  - Mensyaratkan tiada penggunaan *polystyrene / styrofoam* di semua Bazar Ramadhan MPSJ;
  - Melaksanakan Kempen Sayangi Bumi Kita - Bawa Bekas Ke Bazar Ramadhan. Kempen ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan plastik di Bazar Ramadhan, seterusnya memberikan kesedaran kepada pengunjung bazar betapa pentingnya menjaga alam sekitar;
  - Melaksanakan Penarafan Gred Gerai Bazar Ramadhan. Ini bertujuan memberikan peluang pengunjung memilih gerai yang mendapat gred terbaik di samping memberikan kesedaran kepada penggerai untuk memastikan kebersihan gerai di samping mengutamakan keselamatan dan kualiti makanan;
  
  - Anugerah Peniaga Contoh Bazar Ramadhan MPSJ 2015. Kriteria penilaian adalah dengan mendapat penarafan Gred A, bebas tindakan penguatkuasaan (mematuhi syarat/peraturan), tidak menggunakan *polystyrene / styrofoam* dan mempunyai inisiatif hijau di dalam mengendalikan bazar;

- Program Kitar Semula Minyak Masak di kalangan penggerai dan pengunjung. Tong kitar semula minyak masak diletakkan di 12 lokasi Bazar Ramadhan terpilih.
- Untuk makluman semua, MPSJ telah mengadakan **Majlis Pelancaran Kempen Sayangi Bumi Kita - Bawa Bekas Ke Bazar Ramadhan MPSJ 2015** pada **18 Jun 2015 (Khamis)** Di Bazar Ramadhan USJ 4, Subang Jaya.

#### **2.4 PROGRAM MEMASAK DAN PENYERAHAN BUBUR LAMBUK KEPADA WARGA KERJA MPSJ**

Kelab Sukan dan Kebajikan MPSJ akan menganjurkan Program Memasak dan Penyerahan Bubur Lambuk kepada warga kerja MPSJ pada **26 Jun 2015 / 9 Ramadhan 1436 Hijrah (Jumaat)** bermula dari jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang di Perkarangan Laluan Ke Kompleks Sukan, Bangunan Ibu Pejabat MPSJ.

Antara objektif program ini adalah untuk mengeratkan lagi ikatan silaturrahim dikalangan warga kerja MPSJ dan menyemarakkan kedatangan bulan Ramadhan Al-Mubarak 1436H.

#### **2.5 MAJLIS MERAIKAN ANAK YATIM MPSJ TAHUN 2015**

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama PUSPANITA dan AKRAB MPSJ akan meraikan anak-anak yatim dengan membawa mereka membeli-belah bagi membuat persiapan menyambut perayaan Aidil Fitri. Pada tahun ini, seramai **40 orang anak yatim dari Pusat Anak Yatim Baitul Hidayah** akan dibawa ke Kompleks Membeli-Belah Mydin pada **04 Julai 2015 (Sabtu)** bermula jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

## **2.6 PROGRAM TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Surau MPSJ dan Kelab Sukan Dan Kebajikan MPSJ akan mengadakan Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran pada:

**Tarikh : 10 Julai 2015 (Jumaat)**  
**Masa : 9.30 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Bangunan Ibupejabat MPSJ**

Pada tahun ini seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja MPSJ telah turut sama menyertai program Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi mengimarahkan sambutan bulan Ramadhan Al-Mubarak pada tahun ini.

## **2.7 MAJLIS SAMBUTAN AIDIL FITRI PERDANA PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2015**

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan menganjurkan Majlis Sambutan Aidil Fitri Perdana Peringkat Negeri Selangor Tahun 2015 pada;

**Tarikh : 19 Julai 2015 (Ahad); Raya Ke-3**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 3.00 petang**  
**Lokasi : Perkarangan Stadium Shah Alam**

Buat julung kalinya Majlis Sambutan Aidil Fitri ini akan dihadiri oleh DYMM Sultan Selangor yang mencemar duli hadir ke program ini bagi meraikan tetamu yang hadir.

Semua Ahli Majlis, tuan-tuan dan puan-puan serta seluruh rakyat Selangor adalah dijemput hadir bagi memeriahkan majlis sambutan Aidil Fitri ini.

## **2.8 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga **Minggu Epid 24** (iaitu sehingga **20 Jun 2015**) adalah sebanyak **5,684 kes denggi** telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan **Kempen 10 Minit** dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

Menjelang musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi, dijangka ramai penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ akan pulang ke kampung halaman masing-masing untuk menyambut hari lebaran. Sehubungan itu, penduduk perlu memastikan kawasan kediaman dan premis masing-masing bebas daripada tempat-tempat pembiakan aedes dengan memusnahkan tempat-tempat atau bekas-bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes sebelum pulang ke kampung halaman masing-masing.

### **Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor**

**“Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari setiap masa di mana jua”.**

## **2.9 KUTIPAN BAYARAN MUDAH ALIH – mPOS**

Sejajar dengan konsep **Zero Kaunter**, MPSJ akan menambah kemudahan pembayaran kepada pelanggan tanpa hadir ke kaunter iaitu dengan menggunakan perkhidmatan **mPOS**. Ia amat mudah digunakan dengan penggunaan telefon pintar android, IOS dan tab.

Peralatan mPOS akan dibekalkan kepada semua Jabatan terlibat seperti Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Hasil, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Jabatan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan.

MPSJ menjangkakan kutipan kompaun, cukai pintu dan lain-lain hasil Majlis seperti 'anti-litter', sewaan dan bil air akan meningkat dengan tersedianya kemudahan ini.

Selain memberi kemudahan kepada pelanggan, ia juga dapat mengurangkan risiko kehilangan wang tunai semasa bertugas kerana pembayaran tersebut menggunakan kad kredit.

## **2.10 PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUATKUASA AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 [AKTA 757]**

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui pewartaan (KPKT) P.U.(B) 231/2015 telah menetapkan tarikh permulaan kuatkuasa **Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]** pada **01 Jun 2015** di semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Pulau Pinang. Dengan berkuatkuasanya Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) ini, Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) adalah dimansuhkan.

Selaras dengan itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah melalui pewartaan (KPKT) P.U.(A) 107/2015 menetapkan tarikh permulaan kuatkuasa **Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015** pada **02 Jun 2015**.

**Walau bagaimanapun, Bahagian IX, iaitu berkenaan Pertikaian Dan Tribunal Pengurusan Strata, Akta 757, masih belum terpakai di Negeri Selangor. Justeru itu, sebarang tuntutan oleh pihak yang berkepentingan boleh dibuat berdasarkan peruntukan – peruntukan lain di dalam Akta 757.**

Oleh yang demikian, semua pihak khususnya mana – mana orang yang berkepentingan di dalam sesuatu kawasan pemajuan strata yang berkenaan adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan langkah yang sewajarnya dengan berkuatkuasanya akta tersebut.

## **2.11 INISIATIF PROGRAM BANDAR BIOMASS MPSJ**

Bagi merealisasikan hasrat ke arah Bandar Hijau 2030, MPSJ kini sedang melaksanakan **Program Bandar Biomass** bagi mengurangkan penjanaaan pelupusan sisa domestik dengan memanfaatkan sisa organik menggunakan kaedah biomass.

Melalui kaedah biomass tersebut, dua konsep diperkenalkan iaitu yang pertama ialah “*waste-to-wealth*” dan yang kedua ialah “*waste-to-energy*”.

Bagi konsep pertama “*waste-to-wealth*”, sisa organik diubah menjadi produk bernilai seperti baja kompos. Contoh projek yang dijalankan oleh MPSJ menggunakan konsep pertama ini ialah projek kompos sisa kebun, projek kompos sisa makanan dan projek vermicompost.

Manakala bagi konsep kedua “*waste-to-energy*” pula, sisa organik diubah bagi mendapatkan bahan bakar seperti gas methane yang boleh digunakan untuk menggerakkan jentera dan seterusnya menghasilkan tenaga. Contoh projek yang dijalankan oleh MPSJ menggunakan konsep kedua ini ialah Projek Anaerobic Digestion Biogas di Pasar Awam Seri Serdang dan di Pusat Biomass Bersepadu Bandar Bukit Puchong.

Pada tahun 2014, MPSJ telah berjaya memproses sejumlah 50.44 tan sisa organik iaitu 34.65 tan daripada sisa kebun, 7.22 tan daripada daun kering aktiviti sapuan pembersihan kawasan dan 8.57 tan daripada sisa makanan di medan selera awam dan perumahan.

Projek-projek yang dijalankan ini ternyata mendatangkan manfaat apabila MPSJ berjaya menghasilkan pelbagai variasi produk kompos seperti kompos sisa kebun, kompos sisa makanan dan vermikompos; dan penduduk yang berminat boleh menghubungi MPSJ bagi mendapatkan produk-produk tersebut dengan kadar harga yang amat berpatutan.

Selain daripada itu, bagi menggalakkan pelaksanaan konsep "*waste-to-wealth*" di kalangan penduduk tempatan MPSJ, pihak Majlis telah membuat agihan secara percuma tong kompos kepada mana-mana penduduk yang berminat untuk mempraktikkan amalan tersebut. Sehingga kini lebih 750 penduduk telah menyertai Program Home Composting tersebut.

Pihak Majlis juga ingin membuat pelawaan khusus kepada mana-mana hotel dan pusat membeli-belah di kawasan MPSJ yang berjaya mengasingkan sisa organik mereka untuk melupuskan sisa tersebut secara percuma dengan membuat penghantaran terus di Pusat Biomass Bersepadu MPSJ di Bandar Bukit Puchong.

Usaha ini dijangka dapat membantu mengurangkan penjanaaan pelupusan sisa makanan apabila akhbar baru-baru ini melaporkan sejumlah besar sisa makanan dibazirkan pada bulan Ramadhan dan dibuang begitu sahaja di tapak pelupusan sampah.

## **2.12 KUTIPAN SAMPAH PUKAL SEMPENA PERAYAAN AIDIL FITRI DI KAWASAN MPSJ**

Sempena musim perayaan Aidil Fitri bermula Julai 2015 ini, Majlis Perbandaran Subang Jaya menyediakan perkhidmatan kutipan sampah pukal secara PERCUMA untuk kawasan perumahan(landed property) sahaja.

Tempoh perkhidmatan ialah dari 06 Julai hingga 15 Julai 2015 di semua kawasan dalam Majlis Perbandaran SubangJaya.

Penduduk dinasihatkan untuk mengeluarkan sampah pukal dan diletak kemas di hadapan rumah dalam tempoh tersebut untuk dikutip oleh kontraktor Majlis secara berperingkat.

## **2.13 UCAPAN KHAS DATO' YANG DIPERTUA MPSJ SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI 1436H**

Akhir kata, sebelum mengakhiri ucapan, saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidil Fitri** kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Islam bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidil Fitri yang bakal disambut pada **17 Julai 2015 (Jumaat)**.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran bulan Syawal yang bakal menjelma ini, marilah kita bersama-sama meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah. Gunakanlah peluang di hari lebaran ini untuk meraikan sambutan Aidil Fitri bersama orang-orang tersayang, khususnya ibu bapa dan keluarga tercinta di samping mengeratkan hubungan silaturrahim serta merapatkan tali persaudaraan diantara kita.

**SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL FITRI 1436H  
MAAF ZAHIR DAN BATIN  
BERHATI-HATI DI JALAN RAYA**

### **3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 05/2015 BERTARIKH 27 MEI 2015.**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05/2015 bertarikh 27 Mei 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

#### **4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2015 Bertarikh 03 Jun 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### **4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2015 Bertarikh 17 Jun 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

**4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 06/2015 Bertarikh 05 Jun 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

**4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 05/2015 Bertarikh 11 Jun 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

**4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 06/2015 Bertarikh 15 Jun 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

#### 4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 06/2015 Bertarikh 16 Jun 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

#### 4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 06/2015 Bertarikh 16 Jun 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 6.2.1 m.s 17	Encik Jaber bin Ami	Zon Angkat JKP MPSJ	Beliau memohon pertimbangan pihak Majlis untuk pengesahan cadangan penyusunan Ahli Majlis sebagai Pengerusi Zon Angkat Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya berikutan peletakan jawatan Encik Ban Shi Ron sebagai Ahli Majlis MPSJ.  <u>Keputusan:</u> Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran

				<p>Subang Jaya Bil. 06/2015 bertarikh 26 Jun 2015 telah bersetuju dengan keputusan pelantikan Pengerusi Zon Angkat Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya seperti berikut:</p> <p>i. Encik Jaber bin Ami : Pengerusi Zon 19</p> <p>ii. Puan Sharmazira binti Md Sharif : Pengerusi Zon 8</p> <p>Sehubungan itu, Jabatan Khidmat Pengurusan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat diminta untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 04/2015 Bertarikh 19 Jun 2015**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

**4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 06/2015  
Bertarikh 22 Jun 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

**5.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT CADANGAN MENAIKTARAF MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA KEPADA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (Kertas Mesyuarat Bil. 03/06/2015)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Cadangan Menaiktaraf Majlis Perbandaran Subang Jaya Kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**Tindakan : Jabatan Perancang Bandar**

**6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT PROGRAM IHYA' RAMADHAN 1436H / 2015M (Kertas Mesyuarat Bil. 04/06/2015)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Program Ihya' Ramadhan 1436H / 2015M untuk mengadakan Program Ihya' Ramadhan 1436H / 2015M di 24 Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ dengan peruntukan sebanyak RM30,000.00.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT CADANGAN MENERIMA PAKAI KEPUTUSAN DASAR MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MMKN) SELANGOR BERKAITAN PEMBERIAN IMBUHAN TAHUNAN SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI 1436H / 2015M  
(Kertas Mesyuarat Bil. 05/06/2015)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Cadangan Menerima Pakai Keputusan Dasar Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Berkaitan Pemberian Imbuan Tahunan Sempena Hari Raya Aidil Fitri 1436H / 2015M.

Mesyuarat turut bersetuju dan meluluskan Pemberian Imbuan Tahunan Sempena Hari Raya Aidil Fitri 1436H / 2015M ini dipanjangkan kepada Ahli Majlis MPSJ dan Pegawai Pinjaman yang berkhidmat dengan MPSJ.

Imbuan Tahunan Sempena Hari Raya Aidil Fitri 1436H / 2015M yang berjumlah satu (1) bulan gaji ini akan dibayar pada 09 Julai 2015 iaitu pada tarikh gaji bagi bulan Julai 2015.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan  
Jabatan Perbendaharaan**

## **8.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

**8.1** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID)**, S.I.S., A.M.S.  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN)**, D.P.M.S., S.M.S  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**